

MODAL INTELEK DAN KOS MODAL EKUITI KE ARAH KELESTARIAN FIRMA

**MOHAMAT SABRI HASSAN
NORADIVA HAMZAH
AIDA MOHD RASHID
SITI MARIAM MANSOR**

**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit**

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
<http://www.ukm.my/penerbit>
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
UKM CETAK SDN BHD
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-379-8

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Pendedahan Maklumat Korporat dan Laporan Integrasi ... 15

BAB 2 Modal Intelektual, Kos Ekuiti dan Kelestarian Firma ... 33

BAB 3 Modal Intelektual dalam Laporan Integrasi ... 45

BAB 4 Pengaruh Saiz Firma, Strategi Perniagaan, Industri dan
Kos Modal Ekuiti ... 63

BAB 5 Amalan Pendedahan Modal Intelektual dalam Laporan Integrasi
dan Kos Modal Ekuiti ... 78

BAB 6 Laporan Integrasi ke Arah Kelestarian Syarikat ... 103

Rujukan ... 115

Indeks ... 125

Prakata

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia-Nya buku ini dapat dihasilkan dengan baik. Buku ini merupakan sebahagian daripada tesis sarjana dan juga hasil penyelidikan di bawah dana penyelidikan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) dengan Kod GUP-2001-002. Buku ini membincangkan tentang kaedah alternatif menyalurkan maklumat perniagaan yang lebih sistematik dengan mengabungkan maklumat kewangan dan bukan kewangan dalam satu pelantar yang komprehensif, iaitu laporan integrasi.

Pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan memberi pengaruh yang signifikan kepada pembuatan keputusan pelaburan. Dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan, modal intelek merupakan maklumat bukan kewangan yang penting dalam memberi nilai sebenar firma dan meningkatkan daya saing dalam pasaran global. Hasil dapatan kajian lepas mendapati hubungan pendedahan modal intelek dan kos modal ekuiti adalah tidak konsisten. Oleh itu, penyelidik lepas merasakan pendedahan modal intelek dalam laporan tahunan sudah kurang relevan dalam menyampaikan maklumat prestasi sesebuah firma kepada pelabur. Keadaan ini disebabkan kesukaran untuk mengukur nilai modal intelek dalam laporan tahunan dan pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan dilakukan secara berasingan. Selaras dengan perkembangan pelaporan korporat terkini, laporan integrasi (LI) diperkenalkan oleh Majlis Antarabangsa Pelaporan Integrasi (IIRC) dengan menggabungkan laporan kewangan dan bukan kewangan. Laporan integrasi dikatakan mampu memberi nilai tambah kepada pelabur dalam proses pembuatan keputusan.

Buku ini mempunyai dua objektif; pertama membincangkan kesan hubungan pendedahan modal intelek dalam laporan integrasi ke atas kos modal ekuiti firma. Manakala objektif kedua adalah membincangkan peranan saiz firma, strategi perniagaan dan jenis industri dalam mempengaruhi hubungan antara pendedahan modal intelek dan kos modal ekuiti. Bagi memahami objektif tersebut, buku ini diolah kepada enam bab. Perbincangan ini berdasarkan kepada penilaian ke atas sampel laporan integrasi firma yang tersenarai dalam pangkalan data *International*

Integrated Reporting Council (IIRC). Menggunakan analisis kandungan untuk mengukur tahap pendedahan modal intelek dan analisis regresi.

Bab 5 menyiasat hubungan antara pendedahan modal intelek dan kos modal ekuiti dan peranan pemboleh ubah pemoderat terhadap hubungan tersebut. Walau bagaimanapun, bab ini melaporkan tiada hubungan antara pendedahan modal intelek dan kos modal ekuiti. Namun begitu, hasil penelitian selanjutnya mendapati hanya saiz firma dan strategi perniagaan berperanan sebagai pemoderat antara hubungan pendedahan modal intelek dalam laporan integrasi dan kos modal ekuiti. Menariknya, analisis tambahan menunjukkan firma yang bersaiz besar dan menggunakan strategi pembezaan produk dalam industri berasaskan pengetahuan menanggung kos modal ekuiti yang rendah.

Sebaliknya, analisis tambahan juga mendapati firma yang menggunakan strategi kos pemimpin sama ada dalam industri berasaskan pengetahuan atau industri tradisional memperoleh kos modal ekuiti yang lebih tinggi. Hasil analisis ini relevan kepada badan pemantauan sama ada di peringkat antarabangsa atau di Malaysia seperti Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menggalakkan penggunaan Laporan integrasi dalam kalangan firma ke arah pendedahan yang lebih telus kerana ia membawa kepada kecekapan pasaran modal.

Bab akhir merumuskan buku ini dan membincangkan cabaran di masa hadapan yang akan ditempo oleh syarikat. Situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia mulai tahun 2019 menjadi contoh yang seharusnya membuka mata semua pihak tentang kepentingan melaporkan maklumat bukan kewangan seiringan dengan maklumat kewangan. Ini membolehkan firma berkongsi kesan sesuatu peristiwa dalam penciptaan nilai firma. Selain isu penularan wabak penyakit, isu alam sekitar kelestarian organisasi dan tadbir urus firma juga perlu dilaporkan supaya pihak berkepentingan, selain pemegang saham, dapat membuat pertimbangan kesannya ke atas prestasi kewangan dan bukan kewangan dalam penciptaan nilai firma seterusnya masa hadapan firma. Peristiwa ini menunjukkan bagaimana laporan integrasi penting kepada semua pihak, iaitu firma, dan semua pihak berkepentingan syarikat. Firma dapat melaporkan maklumat kewangan dan bukan kewangan dalam satu pelantar yang mudah disediakan dan dapat mengurangkan kos firma. Laporan integrasi dapat membantu organisasi membuat laporan kewangan dan bukan kewangan secara integrasi dalam satu laporan. Perkara penting yang harus dipertimbangkan oleh firma adalah memastikan laporan integrasi yang disediakan mempertimbangkan

kepentingan pemegang taruh lain yang boleh mempengaruhi penciptaan nilai firma. Adalah diharapkan langkah ke hadapan laporan integrasi akan diterima pakai sebagai pengganti kepada laporan tahunan tradisi secara menyeluruh. Ia akan membolehkan pelabur dan pemegang taruhan lain membuat penilaian dan perbandingan secara global.

Terima kasih diucapkan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan di atas kelulusan dana penerbitan dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia atas pemberian dana Geran Universiti Penyelidikan (GUP 2021/002) bagi penyelidikan bertajuk *The Impact of Intergrated Reporting Quality on Non-Financial Performance: A Comparative Studies of the Three Voluntaries Countries*. Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua penulis sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Terima kasih juga kepada semua pihak yang memberi sokongan dan dokongan untuk menghasilkan buku ini. Semoga buku ini bermanfaat kepada semua pembaca.

Mohamat Sabri Hassan

Noradiva Hamzah

Aida Mohd Rashid

Siti Mariam Mansor